SARA LILY & SATU LAGI

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHTARUDIN BAKI PK
[PENYEMAKAN JENAYAH NO: 43-16-2004]
19 OGOS 2004

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan - Permohonan untuk membuat semakan terhadap keputusan koroner di dalam satu inkues kematian seorang pelarian - Koroner hanya membenarkan pihak-pihak berkenaan untuk 'watching brief' sahaja - Kuasa dan budi bicara koroner - Sama ada pihak-pihak mempunyai hak untuk menyoal saksi-saksi dan memeriksa eksibit-eksibit yang dikemukakan semasa siasatan inkues - Kanun Acara Jenayah, s. 323(1)*

Ini adalah permohonan oleh pemohon untuk membuat semakan di bawah s. 323(1) Kanun Acara Jenayah mengenai 'correctness, legality or propriety' terhadap satu 'ruling' koroner mengenai hak peguam yang mewakili pemohon di dalam satu inkues kematian mayat seorang yang dijumpai di Sungai Kelang oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Koroner telah membenarkan peguam yang mewakili pemohon untuk 'watching brief' berdasarkan bahawa pemohon, ibu kepada seorang tahanan polis bernama Francis Udayappan yang telah melarikan diri dengan terjun ke dalam Sungai Kelang, menuntut dan telah mengecam secara fizikal bahawa mayat yang dijumpai tersebut adalah mayat anak beliau iaitu Francis Udayappan.

Kedua-dua pihak iaitu peguam pemohon dan Majlis Peguam Malaysia telah membuat permohonan untuk mendapat 'right of audience' tetapi koroner telah memutuskan bahawa kedua-dua pihak hanya dibenarkan untuk 'watching brief' sahaja. Isu yang perlu diputuskan adalah sama ada pemohon dan Majlis Peguam Malaysia adalah 'interested person' dan mempunyai hak untuk menyoal saksi-saksi atau memeriksa eksibit-eksibit yang dikemukakan sebagai keterangan. Peguam pemohon juga memohon supaya segala keterangan mengenai penangkapan, tahanan dan pelarian Francis Udayappan dibatalkan dan dikeluarkan dari rekod inkues dan mengarahkan koroner untuk menghadkan siasatan hanya terhadap mayat yang dijumpai sebagai tidak dikenali (John Doe).

Diputuskan:

[1] Oleh disebabkan pemohon telah menuntut mayat 'John Doe' tersebut sebagai mayat anak beliau bernama Francis Udayappan, maka keterangan mengenai penangkapan, tahanan dan pelarian Francis Udayappan adalah penting dan relevan bagi koroner di dalam inkues John Doe ini. Sebagai seorang koroner, beliau mempunyai tugas yang berat dan kuasa yang luas di dalam mengambil keterangan sebelum membuat keputusan. Tiada siapa yang boleh menyekat koroner untuk mengambil apa-apa keterangan yang difikirkan oleh beliau sebagai perlu kecuali jika didapati koroner tersebut melanggar atau tidak mengikut prinsip undang-undang. (ms 340 g-h & 341 h)

[2] Pihak-pihak perlu menunjukkan bahawa mereka mempunyai kepentingan 'real, substantial and reasonable' sebelum mereka mendapat hak untuk menyoal saksi-saksi dan memeriksa dokumen-dokumen atau eksibit-eksibit di dalam inkues. (ms 340 d)

[2a] Sebagai ibu kandung (tiada hujahan penafian oleh timbalan pendakwa raya), sudah pasti pemohon mempunyai 'real, substantial and reasonable right' terhadap apa-apa keterangan mengenai anak kandung beliau yang dipanggil Francis Udayappan. Sekiranya siasatan inkues mengenai kematian John Doe, pemohon tiada hak untuk menyoal saksi-saksi dan memeriksa eksibit-eksibit; tetapi di dalam inkues tersebut, keterangan mengenai anak beliau dikemukakan dan sudah pasti sebagai prinsip keadilan, pemohon sebagai seorang ibu mempunyai hak yang 'real, substantial and reasonable' untuk mengetahui; oleh itu, peguam yang mewakili pemohon dibenarkan untuk memeriksa saksi-saksi dan eksibit-eksibit yang dikemukakan semasa siasatan inkues. (ms 341 d-e, g & 342 h)

[2b] Majlis Peguam Malaysia tidak mempunyai hak yang 'real, substantive and reasonable'. Koroner telah memberi hak 'watching brief' dan hak itu kekal untuk 'watching brief' sahaja. (ms 342 f)

[Diperintah sedemikian.]

Kes-kes yang dirujuk:
Khoo Siew Bee & Anor v. PP [1979] 2 MLJ 49 ***(diikuti)***
Re Loh Kah Kheng (decd) [1990] 2 MLJ 126 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Coroners Rules 1984, r. 20(2)(a), (h)
Criminal Procedure Code, ss. 5, 323(1), 328, 333, 337, 339
Legal Profession Act 1976, s. 42

Bagi pihak pemohon - Puravalen (CG Oh); T/n Valen, Oh & Partners
Bagi pihak majlis peguam - Amer Hamzah
Bagi pihak responden - Ishak Mohd Yusof (Faizah M Salleh TPR)

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Mohtarudin Baki PK:
Dalam perkara Puan Sarah Lily, pemohon untuk semakan di bawah s. 323(1) Kanun Acara Jenayah.

Permohonan adalah dibuat oleh Puan Sarah Lily untuk membuat semakan mengenai 'correctness, legality or propriety' terhadap satu 'ruling' yang dibuat oleh tuan koroner pada 10 Ogos 2004.

'Ruling' atau keputusan yang dibuat oleh Tuan Koroner pada 10 Ogos 2004 adalah mengenai hak peguam yang mewakili Puan Sara Lily di dalam satu inkues kematian mayat seorang yang dijumpai oleh pihak Polis Diraja Malaysia dari Sungai Kelang pada 23 Mei 2004. Tuan koroner telah membenarkan Encik Puravalen yang mewakili Puan Sara Lily untuk 'watching brief ini berdasarkan bahawa Puan Sara Lily, ibu kepada seorang tahanan polis bernama Francis Udayappan, menuntut dan telah mengecam secara fizikal bahawa mayat yang dijumpai tersebut adalah mayat anak beliau iaitu Francis Udayappan.

Francis Udayappan telah ditangkap dan ditahan di Balai Polis Brickfields pada 14 April 2004 dan dikatakan telah melarikan diri dengan terjun ke dalam Sungai Kelang yang terletak berhampiran dengan balai polis tersebut. Selepas itu, Francis Udayappan tidak ditemui.

Encik Puravalen telah membuat permohonan untuk mendapat 'right of audience' ini berdasarkan kepada perbezaan di antara 'right of audience' dengan 'watching brief.

Pada masa yang sama, Encik Amer Hamzah mewakili Majlis Peguam Malaysia juga memohon untuk mendapat hak yang sama untuk menyoal saksi-saksi selain dari hak sebagai 'watching brief, ini berdasarkan kepada hujahan bahawa Majlis Peguam Malaysia adalah 'interested party' di dalam prosiding tersebut kerana mereka mengisytiharkan sebagai 'Guardian of Law and Justice' seperti yang diperuntukkan di bawah s. 42 Legal Profession Act.

Tuan koroner telah membuat keputusan bahawa Encik Puravalen dan Encik Amer Hamzah hanya dibenarkan untuk 'watching brief' sahaja dan bukan sebagai "legal representative of an interested person". Encik Puravalen dan Encik Amer Hamzah tidak diberi hak untuk menyoal saksi-saksi atau memeriksa dokumen-dokumen atau eksibit-eksibit yang dikemukakan sebagai keterangan.

Undang-Undang Mengenai Inkues

Seksyen 337 Kanun Acara Jenayah, tugas Koroner adalah untuk menyiasat (inquire): "when, where, how and what manner the deceased came by his death and also whether any person is criminally liable for the cause of the death."

Di dalam kes *Re Loh Kah Kheng (Decd)* [1990] 2 MLJ 126 diputuskan:

> ... It is the primary duty of the learned Magistrate conducting the inquiry to satisfy himself that there is sufficient evidence in whatever form or manner elicited and whether admissible or not, which could assist him in establishing the cause of death of the deceased, he is perfectly entitled to know and take cognizance of it.

Seksyen 328 Kanun Acara Jenayah memberi definisi 'cause of death' yang menyatakan "... All matters necessary to enable an opinion to be formed as to the manner in which the deceased came by his death ..."

Persoalan pertama identiti mayat yang dijumpai tersebut belum dapat dipastikan. Menurut Puan Sara Lily, mayat tersebut adalah anak beliau yang bernama Francis Udayappan manakala menurut Encik Ishak Mohd Yusoff, Timbalan Pendakwa Raya di dalam hujahnya bahawa menurut keputusan ujian DNA profiling bahawa simati bukan anak kandung kepada Puan Sara Lily. Keterangan mengenai DNA profiling ini belum lagi dikemukakan di hadapan Koroner.

Setakat siasatan Koroner ditangguhkan, dua orang saksi telah memberi keterangan iaitu pertamanya SM Char Choon Peng iaitu anggota polis yang menahan dan menangkap seorang bernama Francis Udayappan. Beliau telah membawa Francis Udayappan tersebut untuk ditahan di lokap Balai Polis Brickfields.

Saksi kedua ialah Sjn Chan Kim Chai yang mengiringi Francis Udayappan ke bilik air atas permintaan Francis Udayappan. Apabila gari dibuka untuk membenarkan Francis Udayappan ke bilik air, tiba-tiba beliau telah menolak saksi ini hingga jatuh dan melarikan diri. Saksi kedua ini belum habis memberi keterangan semasa siasatan ditangguhkan.

Tuan koroner di dalam alasan bertulis beliau menyatakan:

> ... In my opinion, we couldn't for a fact be sure that we are here today to determine the cause of death of one Mr. Francis Udayappan. But let me say that it is safe to say that we are here to identify the cause of death of the deceased found on 23rd of May 2004. The identity of the body found has yet to be conclusively identified. And it is through this inquest proceeding that we are here to find out and resolve this question mark in the best of our ability. Until the identity of the deceased is put to rest, I am sorry to say that we cannot for sure say that one namely Madam Sara Lily falls under the category of an interested person and thus legal representation shouldn't be allowed.

Isu yang perlu diputuskan adalah samada Puan Sara Lily dan Majlis Peguam Malaysia adalah 'interested person' dan mempunyai hak untuk menyoal saksi-saksi dan memeriksa dokumen-dokumen atau eksibit-eksibit yang dikemukakan sebagai keterangan.

Di dalam hujah-hujah di hadapan saya bahawa berdasarkan kepada kedudukan Common Law, seperti yang dibenarkan di bawah s. 5 Kanun Acara Jenayah, dua kategori hak menyoal saksi-saksi di dalam inkues:

(i) Parent, child, spouse and any personal representative of the deceased.

(ii) Any other person who in the opinion of the coroner is a properly interested person.

Nota: Dua kategori ini didapati di bawah Peraturan 20(2)(a) dan (h) Coroners Rules 1984.

Rujukan telah dibuat kepada 'authoritative text on inquest' iaitu *Jervis On Coroners*, terutamanya yang merujuk kepada r. 20 tersebut di atas.

Saya bersetuju dengan tuan koroner bahawa pihak-pihak yang terlibat hendaklah menunjukkan mereka mempunyai 'substantial interest' di dalam inkues di hadapan beliau.

Tuan Timbalan Pendakwa Raya telah merujuk kepada kes *Khoo Siew Bee & Anor v. PP* [1979] 2 MLJ 49:

> ... The right to inspect a public document is correlated to the interest which the person who seeks inspection has in the document. That interest should be a direct and tangible one in the document; a mere curiosity or even in an interests in some other matter which would perhaps better served by the inspection, would not be sufficient.

Saya bersetuju bahawa pihak-pihak perlu menunjukkan bahawa mereka mempunyai kepentingan 'real, substantial and reasonable' barulah mereka mendapat hak untuk menyoal saksi-saksi, memeriksa dokumen atau eksibit-eksibit di dalam Inkues.

Samada Puan Sara Lily Dan Majlis Peguam Malaysia Mempunvai Kepentingan Yang 'Real, Substantial And Reasonable' Di Dalam Inkues Tersebut

Puan Sara Lily:

Encik Puravalen memohon supaya segala keterangan mengenai penangkapan, tahanan dan pelarian Encik Francis Udayappan dibatalkan dan dikeluarkan dari rekod inkues dan mengarahkan tuan koroner untuk menghadkan siasatan hanya terhadap mayat yang dijumpai sebagai tidak dikenali (John Doe).

Saya tidak bersetuju dengan hujah Encik Puravalen ini. Saya lebih bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa disebabkan Puan Sara Lily telah menuntut mayat 'John Doe' tersebut sebagai mayat anak beliau bernama Francis Udayappan, maka keterangan mengenai penangkapan, tahanan dan pelarian Francis Udayappan adalah penting bagi tuan koroner di dalam inkues John Doe ini. Adalah perlu diingatkan bahawa inkues adalah atas arahan Timbalan Pendakwa Raya kepada tuan koroner untuk membuat penemuan keputusan di bawah s. 337 Kanun Acara Jenayah. Sebagai seorang koroner beliau mempunyai tugas yang berat dan kuasa yang luas di dalam mengambil keterangan sebelum membuat keputusan.

Pada masa yang sama Puan Sara Lily mempunyai kepentingan yang 'real, substantive and reasonable' apabila keterangan mengenai anak beliau yang bernama Francis Udayappan dikemukakan di dalam siasatan inkues tersebut. Adalah tidak dinafikan oleh Tuan Timbalan Pendakwa Raya bahawa Puan Sara Lily adalah ibu kepada Francis Udayappan. Puan Sara Lily telah mengecam dan menuntut bahawa mayat 'John Doe' adalah mayat Francis Udayappan. Puan Sara Lily sendiri telah disapina sebagai seorang saksi di dalam inkues ini.

Hujah Tuan Timbalan Pendakwa Raya bahawa hak untuk menyoal saksi-saksi oleh Puan Sara Lily digantung sehingga pemohon berjaya membuktikan 'substantial right'. Persoalannya sehingga bila hak ini digantung, adakah sehingga mayat 'John Doe' dibuktikan sebagai mayat Francis Udayappan. Ini bukanlah satu 'expedious' seperti yang dikatakan oleh tuan koroner. 'Expedious' bererti 'fair and efficient'. Memanggil semula saksi-saksi adalah hak semua pihak yang terlibat tertakluk kepada arahan tuan koroner.

Ujian yang perlu dipakai ialah samada Puan Sara Lily mempunyai 'real, substantial and reasonable right'. Sebagai ibu kandung (tiada hujahan penafian oleh Timbalan Pendakwa Raya) sudah pasti beliau mempunyai 'real, substantial and reasonable right' terhadap apa-apa keterangan mengenai anak kandung beliau yang dipanggil Francis Udayappan. Untuk itu, jika koroner berpendapat keterangan mengenai penangkapan, tahanan dan pelarian Francis Udayappan adalah relevan di dalam siasatan beliau maka hak untuk menyoal (bukan menyoal balas) saksi-saksi adalah satu hak yang 'real, substantive and reasonable'.

Adalah diakui Tuan Koroner mempunyai budi bicara untuk menentukan siapakah mempunyai hak yang 'real, substantial and reasonable' tetapi adalah menjadi undang-undang asas (trite law) bahawa kuasa budibicara tersebut hendaklah dijalankan mengikut prinsip-prinsip keadilan (judiciously).

Sekiranya siasatan inkues mengenai kematian John Doe, Puan Sara Lily tiada hak untuk menyoal saksi-saksi/memeriksa eksibit-eksibit; tetapi di dalam inkues tersebut keterangan mengenai anak beliau dikemukakan sudah pasti sebagai prinsip keadilan Puan Sara Lily sebagai seorang ibu mempunyai hak yang 'real, substantial and reasonable' untuk mengetahui.

Adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa tiada siapa yang boleh mengarahkan tuan koroner apa keterangan yang boleh dan tidak boleh diambil. lanya adalah budi bicara koroner dengan dibantu oleh pihak polis yang diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Mengenai hujah iaitu jika hak memeriksa saksi dan eksibit diberikan bererti ianya akan membuka 'flood gate' dan melengahkan prosiding serta menjadi kelam kabut. Hujah ini tidak perlu diutamakan kerana setiap permohonan untuk memeriksa saksi-saksi dan eksibit-eksibit masih tertakluk kepada ujian samada pemohon mempunyai 'real, substantive and reasonable right'.

Relif yang dipohon oleh Encik Puravalen di dalam hujah beliau, memohon supaya apa-apa keterangan yang telah direkodkan semasa siasatan koroner menyentuh mengenai penangkapan, penahanan dan pelarian Francis Udayappan hendaklah dibatalkan dan dikeluarkan (expunge) dari rekod. Alasan beliau ialah tujuan inkues tersebut adalah untuk menyiasat kematian satu mayat yang tidak dapat dipastikan identitinya (John Doe). Semua keterangan siasatan hendaklah ditumpukan kepada 'recovery and identification of John Doe' sahaja.

Saya tidak bersetuju dengan hujah ini. Tugas seorang koroner amatlah berat dan mempunyai kuasa yang luas. Tiada siapa yang boleh menyekat koroner untuk mengambil apa-apa keterangan yang difikirkan oleh beliau sebagai perlu; KECUALI jika didapati koroner tersebut melanggar atau tidak mengikut prinsip undang-undang.

Di dalam pengambilan keterangan mengenai penangkapan, penahanan dan pelarian Francis Udayappan adalah didapati berkaitan dengan penemuan mayat John Doe. Saya bersetuju dengan hujah Tuan Timbalan Pendakwa Raya bahawa keterangan mengenai penangkapan, penahanan dan pelarian Francis Udayappan adalah relevan, ini disebabkan oleh Puan Sara Lily menuntut bahawa mayat John Doe adalah mayat Francis Udayappan.

Hak Majlis Peguam Malaysia

Encik Amer Hamzah berhujah bahawa Majlis Peguam Malaysia adalah 'Guardian of the law and justice' seperti yang ditetapkan di bawah s. 42 Legal Profession Act. Saya bersetuju dengan Tuan Koroner bahawa Majlis Peguam Malaysia tidak mempunyai hak yang 'real, substantive and reasonable'. Tuan koroner telah memberi hak watching brief dan hak itu kekal untuk watching brief sahaja.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas saya membenarkan peguam yang mewakili Puan Sara Lily untuk memeriksa saksi-saksi dan eksibit-eksibit yang dikemukakan semasa siasatan inkues, tetapi wakil Majlis Peguam Malaysia kekal sebagai 'watching brief' sahaja.

Saya faham kegusaran Encik Puravalen bahawa tujuan siasatan inkues ini terkeluar dari kehendak s. 333 Kanun Acara Jenayah. Encik Puravalen telah menarik perhatian kepada s. 339 Kanun Acara Jenayah di mana selain dari menentukan sebab kematian, pendakwa raya boleh mengarahkan tuan koroner membuat keputusan lain yang berkaitan.

Setakat ini tuan koroner belum lagi membuat apa-apa keputusan dan adalah terlalu awal untuk membuat apa-apa anggapan.